

# 20 pengusaha kerang dakwa rugi besar

SH 18/2/2021 M/S 22

Kegiatan mencuri benih kerang semakin menjadi-jadi

Oleh MOHD IZZATUL IZUAN TAHIR

## SUNGAI BESAR

**K**ira-kira 20 pengusaha lot kebun kerang di Pesisir Pantai Sungai Besar di sini mendakwa mengalami kerugian akibat kegiatan mencuri benih kerang sejak lebih lima tahun lalu.

Kee Oie Song, 72, yang mengusahakan tujuh lot kebun kerang seluas 350 hektar berkata, kegiatan pencuri semakin berleluasa di kawasan itu.

Menurutnya, pendapatan kutipan kerang merosot teruk dan tidak setimpal dengan modal pengusaha iaitu kira-kira RM500,000 bagi membeli benih untuk aktiviti penaburan induk kerang di lokasi pembiakan.

“Ada sebahagian peserta lot kerang terpaksa menjual rumah dan berhutang semata-mata ingin mendapatkan modal tetapi malangnya hasil pencarian kami pula dirompak pihak tidak bertanggungjawab selepas benih ditabur.

“Kegiatan ini semakin membimbangkan. Sebelum ini kami mampu mengeluarkan 80 guni kerang dewasa sehari tetapi sekarang 10 guni pun susah,” katanya kepada *Sinar Harian* di sini pada Rabu.



Oie Song (tengah) bersama-sama dua lagi pengusaha kebun kerang menunjukkan laporan polis dan aduan kepada Jabatan Perikanan berkenaan pencerobohan di lot kebun kerang diusahakan di Pesisir Pantai Sungai Besar pada Rabu.

Oie Song mendakwa kegiatan itu berleluasa kerana dipercayai ada pihak menyeludup ke Thailand kerana permintaan tinggi selain harga benih kerang yang tinggi di negara itu.

Seorang lagi penternak, Chia Siw King, 70, berkata, lot kebun kerang yang diusahakannya secara bersama sebelum 2008 itu menjadi sumber pendapatannya.

“Tetapi kini hasil kerang merosot. Kegiatan mencuri benih kerang tanpa kawalan itu dilakukan pihak terbabit menggunakan bot roto dan enjin bot melalui dasar tanah serta lumpur mengakibatkan kemusnahan kerang dewasa,” katanya.

Siw King mendakwa kegiatan mencuri hidupan laut terutama pada waktu malam dan awal pagi itu dilakukan dalam kumpulan yang ramai.

Sementara itu, Pengerusi

Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Bagan Sungai Besar, Sia Chock Sung berkata, Jabatan Perikanan diminta menangani segera isu pencerobohan benih kerang.

Katanya, rondaan secara kerap dan tindakan penguatkuasaan lebih tegas dapat membanteras aktiviti itu daripada terus berleluasa.

“Saya gesa Jabatan Perikanan mendengar keluhan penternak lot kerang yang mengalami kerugian ini,” katanya.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Perikanan Selangor, Abdul Rahman Abdul Wahab berkata, pihaknya akan menjalankan siasatan lanjut berhubung dakwaan terbabit.

“Kami akan menjalankan risikan dan menangani kegiatan mengambil benih kerang di kawasan terbabit,” katanya.